

Ulasan/ *Review*

Etnografi Muzik Pop di Indonesia

Jeremy Wallach

Modern Noise, Fluid Genres; Popular Music in Indonesia, 1997–2001

Madison, Wisconsin [etc.]: The University of Wisconsin Press, 2008

xvi + 323 halaman. ISBN 9780299229009 (paperback)

Modern Noise, Fluid Genres: Popular Music in Indonesia, 1997–2001 adalah studi mutakhir yang mendalam mengenai muzik pop Indonesia. Penulisnya sendiri menyebut studi ini sebagai *an ethnographic investigation of Indonesian popular music genres and their producers and listeners during the period of dramatic political and cultural transformation* (mukasurat 3). Jelas bahawa penulisnya menaruh kesedaran atas perubahan mendasar politik Indonesia selepas tumbangannya Rezin Orde Baru (1998) yang kemudian berganti dengan Era Reformasi. Semula buku ini adalah disertasi Wallach yang bertajuk “Modern Noise and Ethnic Accents: Indonesian Popular Music in the Era of Reformasi” (University of Pennsylvania, 2002).

Modern Noise terdiri atas dua bahagian, iaitu Bahagian 1 (meliputi 6 bab) dan Bahagian 2 (meliputi 4 bab), didahului oleh *Introduction* (mukasurat 3–23) yang menjelaskan sejarah ringkas muzik pop Indonesia serta teori dan metode yang dipakai yang menawarkan kebaruan: Wallach melakukan riset etnografis untuk menelaah dunia muzik pop Indonesia dengan menggunakan teori-teori kontemporer tentang kebudayaan. Ia menunjukkan bagaimana muzik pop sebagai salah



satu ekspresi kebudayaan Indonesia berkelindan erat dengan berbagai hal: dinamika politik, gender, kelas sosial, nasionalisma, globalisasi, etnisitas dan xenosentrisme (*xenocentrism*), yaitu rasa ketagihan kepada segala sesuatu (fizik maupun non fizik) yang berlabel asing (baca: Barat).

Wallach melakukan studi lapangan yang luas dan mendalam di Indonesia (1999–2000) untuk mengamati dari dekat aktivitas musik dalam masyarakat urban, khususnya di Jakarta dan Bandung. Selama melakukan penelitian lapangan (*field work*), Wallach melibatkan diri dalam aktivitas-aktivitas penciptaan dan pertunjukan musik pop Indonesia. Ia mengumpulkan segala benda yang terkait dengan musik pop Indonesia (kaset, CD, VCD, pamflet, grafiti, stiker, T-shirt, berita-berita dalam akhbar dan majalah, dan lain sebagainya) yang merepresentasikan apresiasi masyarakat urban Indonesia terhadap musik pop. Ia memilih *ngekost* (menyewa sebuah kamar di rumah orang) di Kebayoran

Baru agar dapat bergaul rapat dengan praktisi dan khalayak (*audience*) muzik pop Indonesia. Ia melakukan temubual dengan banyak orang yang berasal dari berbagai kelas sosial dan mengunjungi berbagai lokasi tempat muzik pop Indonesia diciptakan, dipertunjukkan, dan diapresiasi oleh publiknya, dan mengamati dengan seksama segala peristiwa yang terjadi di studio rakaman, dalam pembuatan klip video album muzik, toko-toko kaset dan VCD (juga di kaki lima), arena konsert, aktiviti muzik di kampus-kampus, di jalanan, dan di gang-gang kota Jakarta dan Bandung.

Bahagian 1 buku ini (Bab 1–6), yang bertajuk *Sites*, mengeksplorasi lokasi-lokasi tempat muzik pop Indonesia dipertunjukkan dan diapresiasi oleh khalayaknya. Wallach menghuraikan secara rinci interaksi dan aktiviti sosial, pihak-pihak yang terlibat dalam penciptaan dan penikmatan muzik pop, dan bentuk-bentuk ekspresi muzik yang mereka tampilkan di lokasi-lokasi pertunjukan muzik yang dikunjunginya. Selanjutnya Wallach mendiskusikan kepelbagaian makna dan fungsi sosial di sebalik aktiviti dan perilaku para penampil (*performers*) dan khalayak dalam acara-acara pertunjukan muzik tersebut dan mengaitkannya dengan wacana (*discourse*) tentang kelas, moderniti, gender, dan *nation* dalam konteks Indonesia masa kini.

Bab 1, yang bertajuk *Indonesian Popular Music Genres in the Global Censorium* (mukasurat 27–41), membahas tempat genre-genre muzik pop yang menonjol di Indonesia—Pop Barat, Pop Indonesia, dangdut, dan muzik daerah—dalam konteks kesejarahan dan sosio-budaya yang lebih luas di Indonesia.

Selanjutnya, dalam Bab 2, yang bertajuk *In the City: Class, History, and Modernity's Failures* (mukasurat 42–66), Wallach memaparkan latar geografis studi ini yang utama, iaitu metropolitan Jakarta, episentrum aktiviti ekonomi Indonesia. Lewat analisis budaya mengenai keanekaragaman bahasa, ruang (*spaces*), dan *soundscape*s ibukota Republik Indonesia, Wallach mengeksplorasi peranan sosio-ekonomis kelas dalam proses urban yang mendasar yang membentuk diferensiasi

atau perbezaan sosial dan kuatnya peran kelas dalam wacana *kemodenan (modernity)* dan *pembangunan (development)* yang menghegemoni dan begitu berpengaruh di zaman Orde Baru. Bab ini menjadi dasar pijakan untuk memahami potret etnografis eksistensi dan tempat muzik pop Indonesia dalam lingkungan budaya urban di negara ini.

Wallach berargumen bahawa fenomena muzik harus dipahami lewat ruang sosial (*social spaces*) yang ditempatinya dan berbagai bentuk *material* (kebendaan) yang dimilikinya. Menurutnya pula, tafsiran mengenai makna muzik dalam kebudayaan masyarakat tertentu memerlukan pemahaman tentang aktiviti dan interaksi sosial yang menyangkut bentuk-bentuk muzik yang terdapat dalam konteks sosial khusus dalam masyarakat berkenaan.

Atas dasar argumen itu Wallach mengamati juga tempat-tempat penjualan rakaman komersial muzik di Indonesia, seperti toko kaset di mall dan pertokoan, warung kaset, penjual kaset di kaki lima, dan lain sebagainya, yang hasilnya dipaparkan dalam Bab 3 dengan tajuk *Cassette Retail Outlets: Organizations, Iconography, Consumer Behaviour* (mukasurat 67–90). Bab ini menghuraikan susunan spasial, pola klasifikasi, ikonografi, dan pola-pola kebiasaan yang mencirikan ruang penjualan produk muzik di Indonesia dan mengaitkannya dengan pemahaman publik mengenai genre muzik. Lewat pengamatan yang cermat tentang cara penataan produk-produk rekaman muzik di berbagai tempat penjualan kaset rekaman serta perilaku penjual serta pembeli (*consumers*), Wallach mendiskusikan genre, kelas, dan status dalam konsumsi muzik di Indonesia.

Bab 4, yang bertajuk *In the Studio: An Ethnography of Sound Production* (mukasurat 91–120) membahas hubungan muzik dengan genre dan hierarki budaya lewat telaah mengenai konteks interaksional dalam studio rakaman (*recording studio*), salah satu ranah (*domain*) utama tempat muzik pop Indonesia diproduksi. Untuk memahami berbagai peristiwa yang terjadi selama proses pembuatan muzik di studio rakaman, Wallach mengamati aktiviti pembuatan album muzik pop di tiga studio rakaman, iaitu di 601 Studio Lab yang besar dan khusus menghasilkan

rakaman-rakaman komersial muzik dangdut dan pop Indonesia, di Paradi Studio yang kebanyakan merakam pop Indonesia, Jazz dan artis R & B (keduanya berlokasi di Jakarta Barat), dan di Studio Underdog State (berlokasi di Denpasar) yang khusus merakam muzik *undeground*. Analisis Wallach menunjukkan bahawa para produser menggunakan teknologi rakaman yang canggih (*sophisticated*) untuk memanipulasi dan menjajarkan elemen-elemen sonik daerah, nasional, dan global dalam produksi komoditas muzikal untuk pasar Indonesia.

Bab 5, yang bertajuk *On Location: Shooting Music Video Clips* (mukasurat 121–38), menyelami proses pembuatan video klip dua genre muzik, iaitu lagu *dangdut* dan lagu *rock*, yang pembuatan video klipnya membutuhkan biaya dengan jumlah berbeza, dan dengan teknologi yang kecanggihannya berbeza pula. Proses pembuatan kedua video klip itu memperlihatkan permainan simbol-simbol lokal, nasional, dan global dalam muzik pop Indonesia dan juga menyingkapkan keasyikan budaya terhadap moderniti yang tentu saja diiringi dengan konsekuensi moraliti yang ditimbulkannya.

Bab 6, yang bertajuk *Offstage: Music in Informal Contexts* (mukasurat 139–67), membahas pertunjukan dan apresiasi terhadap muzik pop di Indonesia dalam konteks informal, misalnya bagaimana muzik pop diapresiasi di pinggir jalan yang terkait dengan kelas pekerja yang kebanyakannya lelaki, dan di kampus-kampus dengan para pelakunya yang berasal dari kalangan mahasiswa yang asosiatif dengan kelas menengah. Dalam dua latar yang berbeza ini pertunjukan muzik pop memainkan peran sentral dalam budaya *nongkrong* (*hanging out*) yang oleh Wallach disebut sebagai ‘*ethic of sociality*’ yang sangat bersifat maskulin. Wallach menunjukkan peran penting budaya *nongkrong* dalam cara bagaimana muzik global dan muzik nasional Indonesia digunakan dan ditafsirkan oleh anak muda Indonesia.

Bahagian 2 (Bab 7–10) yang bertajuk *Genres in Performance* memfokuskan perhatian pada acara-acara pertunjukan *live* genre muzik tertentu: misalnya apa yang terjadi dalam pertunjukan *dangdut* dan apa bezanya dengan pertunjukan genre muzik pop yang lain. Dengan kata lain,

Wallach menelaah sifat-sifat khas dan kontestasi dimana genre-genre muzik pop dipertunjukkan secara *live* oleh para muzikus dan diterima oleh khalayak dalam berbagai konser dan festival.

Bab 7, 8, dan 9 yang bersifat etnografis membahas konser tiga genre muzik yang menjadi fokus utama studi ini, iaitu pop, *dangdut*, dan muzik *underground*. Dalam Bab 7, yang bertajuk *Onstage: The Live Musical Event* (mukasurat 171–89), Wallach memaparkan berbagai bentuk pertunjukan *live* muzik di Indonesia, mulai dari bentuk *ngamen* sampai kepada acara yang terorganisir, formal dan bergengsi, seperti *show* dan festival muzik, untuk memahami apa yang disebut oleh Wallach sebagai ‘*performance of social class*’.

Bab 8, yang bertajuk *Dangdut Concerts: The Politics of Pleasure* (mukasurat 190–209), menyajikan analisa etnografis pertunjukan *live* muzik *dangdut* di lapangan terbuka dan dalam kelab-kelab malam dengan khalayak yang umumnya berasal dari kelas pekerja rendah. Wallach menelaah simbol-simbol gender dan pertukaran material yang terjadi dalam pertunjukan *dangdut* di dua jenis lokasi pertunjukan yang berbeza itu dan mendiskusikan pentingnya hal itu *vis-à-vis dangdut* sebagai genre muzik ‘nasional’.

Rock and Pop Events adalah tajuk Bab 9 (mukasurat 210–25). Dalam bab ini Wallach membahas pertunjukan muzik pop, *rock*, dan lagu-lagu Barat di kafe-kafe urban yang bergengsi, yang identik dengan kelas menengah dan atas, dan konser-konser yang diselenggarakan oleh mahasiswa. Bab 10, yang bertajuk *Underground Music: Imagining Alternative Community* (mukasurat 226–46), menelaah pertunjukan muzik *underground* yang biasa diselenggarakan oleh anak muda dan mengeksplorasi bagaimana acara-acara tersebut membentuk komuniti penyuka muzik ini melalui ekspresi kolektif yang bersifat subkultur. Dengan mencuatkan pertanyaan mengenai kelas, identiti, dan dinamik budaya dalam gerakan muzik global, bab ini ditutup dengan penafsiran tentang fungsi kultural pertunjukan muzik *underground* dalam konteks Indonesia moden masa kini.

Dalam *Conclusion* (Kesimpulan) yang bertajuk *Indonesian youth, music, and globalization* (mukasurat 247–64) Wallach menjelaskan bahawa buku ini berhasil memotret sebuah momen historis mengenai kehidupan muzik kaum muda Indonesia di daerah perkotaan. Dengan pendekatan etnografis yang digunakan, buku ini tidak saja telah berhasil menggambarkan berbagai praktek muzik pop di Indonesia—bagaimana muzik itu dirakam, dipertunjukkan, dinikmati, dan dibeli—tapi juga sejumlah dinamik yang mendasar dalam budaya nasional Indonesia di zaman ini dan implikasinya terhadap proyek identiti dalam diri kaum muda Indonesia.

Namun, setelah membaca buku ini, ada kesan bahawa Wallach tidak sepenuhnya dapat melepaskan diri dari pandangan Barat dalam melihat muzik pop Indonesia, walaupun dia sudah melakukan penelitian lapangan secara terlibat. Wallach juga kurang mengimbangi pandangan para penyuka muzik pop Indonesia dengan mereka yang menyukai jenis muzik lain (misalnya muzik daerah/etnis). Walau bagaimanapun kuatnya unsur *xenocentrism* dalam fenomena muzik pop Indonesia, tetap ada ciri keindonesiaan yang membezakan muzik pop Indonesia dengan, misalnya, muzik pop Malaysia, muzik pop Thailand, dan muzik pop Philipina. Yang luput dari perhatian Wallach, saya kira, adalah bagaimana muzik pop Indonesia diapresiasi di negara-negara jirannya, seperti Malaysia, Brunei, dan Singapura, yang mungkin akan dapat memberi gambaran bahawa muzik pop Indonesia bukan sekedar proyek identiti kaum muda (yang cenderung anti *establishment* dan ‘melawan’ *state*), tetapi juga bagian dari proyek kebudayaan nasional.

Lepas dari hal itu, buku ini merupakan tonggak penting dalam penelitian mutakhir mengenai muzik pop Indonesia, kerana sejak zaman kolonial sampai sekarang perhatian akademis terhadap muzik Indonesia lebih condong kepada muzik-muzik daerah atau muzik-muzik etnis daripada muzik nasional. Buku ini jelas sangat penting dibaca oleh kalangan dakademi atau siapa saja yang ingin memahami muzik pop Indonesia di zaman moden ini dalam kacamata *cultural studies*.

Suryadi

Leiden University, Belanda